

UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MENGENGEMUKAKAN USUL MENGENAI LAPURAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA ATAS PERSEMPADANAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA PARLIMEN DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN PILIHANRAYA NEGERI BAGI NEGERI SABAH DI DEWAN RAKYAT, KUALA LUMPUR PADA  
23HB JULAI, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon mencadangkan—

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bahawa mengikut kuasa-kuasa yang diletakhakkan padanya menurut seksyen 10 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan Persekutuan, Deraf Perintah Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya (Sabah), 1974 yang telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 9 dalam Jadual itu bagi menguatkuasakan, tanpa ubahsuaian-ubahsuaian, syor-syor yang terkandung dalam Lapuran Suruhanjaya Pilihanraya kepada Perdana Menteri, Malaysia, mengandungi syor-syornya mengenai Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri dalam Negeri Sabah diluluskan.”

Tuan Yang Dipertua.

Menurut Perlembagaan Persekutuan Fasal 113 (2), Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah mengulangkaji pembahagian bahagian-bahagian pilihanraya bagi Persekutuan dan Negeri-negeri pada lat-tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun dan tidak kurang daripada lapan tahun serta mengesyorkan apa-apa perubahan yang difikirkan perlu tentang pembahagian itu untuk mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketigabelas dan ulangkaji mengenai bahagian-bahagian pilihanraya bagi maksud pilihanraya Dewan Negeri hendaklah dijalankan serentak dengan ulangkaji mengenai bahagian-bahagian pilihanraya bagi maksud pilihanraya Dewan Rakyat. Fasal (6) dalam Perkara 113 itu memperuntukkan supaya ulangkaji yang berasingan dibuat bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Negeri-negeri Borneo.

Tuan Yang Dipertua.

Dalam bulan Disember, 1973, Dewan Undangan Negeri Sabah telah meminda Perlembagaan Negeri dengan menambahkan kerusi Dewan Undangan Negeri daripada 32 kepada 48. Persempadanan bahagian-bahagian pilihanraya dalam Negeri Sabah telah dikuatkuasakan pada 14hb April, 1966, dan Suruhanjaya Pilihanraya memutuskan membuat ulangkaji bahagian-bahagian pilihanraya dalam Negeri Sabah dengan mengambilkira tambahan kerusi-kerusi dalam Dewan Undangan Negeri.

Suruhanjaya Pilihanraya telah menyiapkan Lapuran mengenai pembahagian bahagian-bahagian pilihanraya itu pada 20hb Julai, 1974, bersesuaian dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan dan lapuran itu telahpun dikemukakan kepada saya pada 22hb Julai, 1974, sebagaimana dikehendaki oleh seksyen 8 Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan. Lapuran itu telah juga dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 71 tahun 1974.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat melihat, Lapuran itu terdiri daripada lima Bab. Bab I mengandungi latarbelakang. Bab II mengandungi prinsip-prinsip persempadanan sebagaimana ditetapkan dalam seksyen 2 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan. Bahagian ini dalam Lapuran itu menghuraikan sepenuhnya bagaimana Suruhanjaya Pilihanraya telah menjalankan tugasnya dengan mematuhi prinsip-prinsip ini dengan sepenuhnya.

Bab III dalam Lapuran itu ialah berkenaan dengan rayuan-rayuan terhadap syor-syor yang dicadangkan itu. Sebanyak tiga rayuan telah diterima tetapi kemudian telah ditarik balik.

Bab IV dalam Lapuran itu mengandungi syor-syor muktamad bagi persempadanan. Ringkasan syor-syor berkenaan dengan persempadanan kepada bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri adalah dinyatakan dalam Jadual Kedua dan senarai bagi semua daerah mengundi dalam tiap-tiap satu bahagian pilihanraya bersama dengan bilangan pemilih dalam tiap-tiap satu daerah mengundi itu adalah dinyatakan dalam Jadual Keempat. Folder bersama-sama Lapuran itu mengandungi suatu peta menunjukkan sempadan-sempadan bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri sebagaimana disyorkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang Dipertua.

Mengikut seksyen 9 dalam Jadual Ketigabelas kepada Perlembagaan, Lapuran itu hendaklah dibentangkan bersama dengan deraf sesuatu Perintah yang hendak dibuat di bawah seksyen 12, untuk menguatkuasakan dengan atau tanpa ubahsuaian-ubahsuaian, syor-syor yang terkandung dalam Lapuran itu. Deraf Perintah itu sekarang ini ada dihadapan Dewan ini sebagai Kertas Statut No. 72 tahun 1974.

Tuan Yang Dipertua.

Saya mohon mencadangkan supaya usul ini diluluskan.